

BAB TIGA

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN


3.0 PENGENALAN

Bab ini akan membentangkan tentang cara bagaimana proses pengumpulan data dilakukan. Bermula dengan penghuraian tentang prosedur dan reka bentuk kajian, subjek kajian, kaedah/tatacara kajian, instrumentasi, penentuan kesilapan dan diakhiri dengan penghuraian tentang pemrosesan dan penganalisan data.

3.1 PROSEDUR DAN REKA BENTUK KAJIAN

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk melihat sejauh mana keupayaan pelajar Melayu IPTA yang mempelajari BA sebagai bahasa asing/ketiga, membina ayat dan frasa semasa berkomunikasi samada secara bertulis mahupun secara lisan dengan menumpukan kepada kesilapan pembinaan ayat subjek-predikat dan frasa adjektif juga frasa *idāfat*. Seterusnya untuk mengenalpasti jenis-jenis kesilapan yang dihasilkan oleh pelajar dalam proses pembinaan ayat dan frasa tersebut. Kajian ini juga bertujuan untuk memastikan kesan kesilapan sintaksis tersebut ke atas makna sehingga mencatatkan proses komunikasi pelajar.

Untuk melaksanakan kajian ini, pengkaji telah memilih satu prosedur kerja yang direka oleh Tarigan (1988:71) kerana ia dirasakan sesuai untuk kajian ini. Prosedur kerja tersebut adalah:



Carta 3.1 : Carta prosedur kerja

(Dipetik dari Tarigan 1988:298)

Melihat kepada keselarasan yang wujud di antara prosedur-prosedur tersebut telah memberi gambaran kepada pengkaji untuk merumuskan satu prosedur kerja yang difikirkan amat sesuai untuk kajian analisis kesilapan sintaksis BA di dalam komunikasi harian di kalangan pelajar Melayu peringkat IPTA samada dalam bentuk bertulis mahupun lisan. Penghuraian yang lebih jelas tentang prosedur kerja yang dilakukan untuk kajian ini adalah seperti berikut:

- i) Memilih sampel kajian – pelajar-pelajar IPTA yang mempelajari BA komunikasi sebagai bahasa asing/ketiga (AFL).
- ii) Menjalankan kajian rintis untuk mengenalpasti aspek-aspek sintaksis BA yang susah untuk dikuasai oleh pelajar yang mengakibatkan berlaku kesilapan.
- iii) Mengumpul data hasil daripada soal selidik pensyarah dan pelajar.

- iv) Mengumpul data hasil daripada ujian dan kesilapan yang dihasilkan oleh pelajar dalam menyusun ayat dan frasa BA dalam ujian bertulis dan juga ujian oral yang divideokan.
- v) Mengidentifikasi dan mengklasifikasi kesilapan – iaitu mengenali dan memilih kesilapan dalam tiga aspek iaitu kesilapan subjek-predikat, frasa adjektif dan juga frasa *idāfat*.
- vi) Mengklasifikasikan jenis-jenis kesilapan yang berlaku dalam pembinaan ayat subjek-predikat dan juga frasa adjektif dan frasa *idāfat*.
- vii) Menjelaskan kesilapan dan kesannya dari sudut makna serta memberikan contoh ayat yang betul.
- viii) Menghurai dan menjelaskan faktor-faktor penyebab berlakunya kesilapan dan mengapa aspek-aspek sintaksis tersebut susah untuk dikuasai oleh pelajar.
- viii) Memberi cadangan, saranan dan rumusan yang berbentuk pedagogi.

3.2 SUBJEK KAJIAN

Subjek untuk kajian ini dipilih dari pelajar-pelajar yang sedang mengikuti kursus sarjana muda di dua buah institusi pengajian tinggi di sekitar Lembah Klang iaitu UiTM dan UPM. Kriteria pemilihan kumpulan pelajar tersebut sebagai subjek kajian ini adalah berdasarkan kepada faktor berikut:

- a. Kedua-dua pelajar daripada UPM dan UiTM yang dipilih mempunyai persamaan dari segi latar belakang pengajian BA di mana keduanya sedang mempelajari BA sebagai bahasa asing/ketiga. Matapelajaran BA yang diajar di kedua IPTA menggunakan pendekatan komunikasi.

- b. Kumpulan pelajar UPM dan juga UiTM yang mengambil mata pelajaran BA sebagai mata pelajaran pilihan, dan mereka adalah pelajar daripada pelbagai kursus yang berbeza (sila rujuk lampiran 4).
- c. Menepati dan bersesuaian dengan kehendak kajian yang memerlukan pelajar BA komunikasi bagi menjalani ujian kebolehan menyusun frasa dan ayat dalam komunikasi.

Seramai 106 pelajar telah dipilih sebagai subjek kajian, iaitu 57 orang pelajar UPM, di mana 17 orang terlibat dalam ujian bertulis dan 40 orang pula terlibat dalam ujian lisan. Manakala pelajar UiTM yang terlibat ialah seramai 49 orang, iaitu 28 orang terlibat dalam ujian bertulis dan 21 orang yang menjalani ujian lisan. Penghuraian ringkas tentang latar belakang pelajar UPM dan UiTM yang terpilih sebagai subjek kajian adalah seperti berikut (Sila rujuk lampiran 4 untuk maklumat lanjut):

1. Dari segi jantina, sebahagian besar daripada bilangan pelajar iaitu 73 orang terdiri daripada pelajar perempuan. Manakala pelajar lelaki pula seramai 33 orang.
2. Dari segi umur, sebahagian besar terdiri daripada pelajar yang berusia dalam lingkungan 20 hingga 30 tahun. Namun terdapat lima orang pelajar UPM yang berusia dalam lingkungan 30 hingga 40 tahun. Sebab mengapa terdapat perbezaan usia yang ketara kerana sebahagian daripada pelajar tersebut merupakan guru yang bercuti sepenuh masa untuk mendapatkan ijazah.
3. Dari segi bidang pengajian pula, subjek kajian terdiri daripada pelajar bidang Pengajian Melayu, Pengajian BI, Pengajian Maklumat, Pengajian Sastera, Pengajian Sains komputer, Fizik dan pengajian Sains Sukan dan Rekreasi.

4. Dari segi pengalaman mempelajari BA samada di peringkat sekolah menengah ataupun di sekolah rendah, seramai 65 orang yang tidak mempunyai asas BA. Manakala 41 orang pelajar yang pernah mempelajari BA.

Pelajar-pelajar ini mengikuti kursus BA komunikasi sebagai mata pelajaran elektif. Mereka telah pun mempelajari BA selama sekurang-kurangnya tiga semester. Pengkaji memilih pelajar UPM yang telah mempelajari BA selama empat semester adalah kerana mereka hanya diperuntukkan tiga jam seminggu. Ini bermakna selama empat semester, jumlah pengajaran BA yang diajar adalah 192 jam. Sama jumlahnya dengan pengajaran BA di UiTM yang mengikuti kursus BA selama tiga semester.

Justeru, pengkaji berpendapat pelajar semester empat UPM mempunyai pengetahuan BA yang sama dengan pelajar semester tiga UiTM berdasarkan jumlah jam pengajaran yang diperuntukkan. Persamaan antara kedua-dua kumpulan responden tersebut juga dilihat dari sudut bidang pengkhususan masing-masing yang bukan daripada pelajar major BA. Kaedah dan pendekatan pengajaran yang digunakan juga sama iaitu pengajaran BA komunikasi walaupun masing-masing menggunakan buku teks yang berbeza.

Berdasarkan latar belakang inilah pelajar-pelajar tersebut dipilih sebagai subjek kajian. Ini kerana pada pandangan pengkaji, dengan pengetahuan BA yang ada pada mereka yang telah mereka pelajari sekurang-kurangnya selama tiga semester, bermakna mereka telahpun melepasi tahap elementari. Justeru, sudah tentu mereka mampu untuk berkomunikasi dengan menggunakan ujaran-ujaran harian yang mudah dan berupaya untuk menyusun ayat dan frasa BA peringkat asas yang mudah di dalam latihan bertulis.

3.3 TATACARA KAJIAN

Untuk mendapatkan data bagi kajian ini, Pengkaji telah menjalankan dua jenis ujian ke atas 106 pelajar yang terpilih sebagai subjek kajian, iaitu ujian bertulis dan ujian lisan yang dirakam dengan alat perakam video.

3.3.1 Ujian Bertulis

Bagi ujian bertulis, data dikumpul melalui tiga peringkat kajian iaitu: kajian rintis 1, kajian rintis 2 dan kajian sebenar.

3.3.1.1 Ujian Rintis 1

Untuk merealisasikan kajian ini, pengkaji terlebih dahulu menjalankan satu ujian awal (kajian rintis 1) ke atas 10 orang pelajar Universiti Teknologi Mara (yang dulunya dikenali sebagai Institut Teknologi Mara) pada 25/3/99. Pelajar-pelajar yang terpilih sebagai subjek kajian adalah pelajar peringkat diploma semester enam yang telah mempelajari bahasa Arab komunikasi selama empat semester. Satu ujian bertulis telah diberikan kepada mereka dan mereka telah mengambil masa selama 40 minit untuk menjawabnya.

Walaupun ujian yang diberi adalah ujian bertulis, tetapi semua bentuk soalan memerlukan jawapan dalam bentuk komunikasi harian dan ujaran-ujaran mudah. Dalam kajian rintis ini juga pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik kepada pelajar dan pensyarah. Tujuan kajian rintis ini dilakukan adalah untuk:

- i) Melihat dan memastikan bahawa masalah dalam penyusunan ayat-ayat BA benar-benar wujud.

- ii) Memastikan jenis-jenis frasa dan ayat yang susah untuk dikuasai oleh pelajar yang mengakibatkan berlakunya kesilapan ujaran.
- iii) Memastikan soalan ujian yang disediakan adalah sesuai dan menepati kehendak penyelidikan.
- iv) Memastikan jawapan-jawapan pelajar akan menunjukkan jenis-jenis kesilapan yang akan dibincangkan dalam kajian ini selanjutnya.
- v) Memastikan soalan-soalan dalam borang-borang soal selidik untuk pensyarah dan pelajar adalah sesuai dan berhasil untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Setelah kajian rintis 1 dijalankan, kesimpulan yang dapat dibuat adalah:

- i) Masalah struktur ayat dalam komunikasi memang benar-benar wujud, bahkan daripada pandangan pengkaji ianya merupakan masalah yang kritikal.
- ii) Terdapat kelemahan-kelemahan pada kertas ujian, terdapat bentuk-bentuk soalan yang tidak perlu, berulang dan yang sukar dijawab oleh pelajar peringkat asas.
- iii) Maklumat-maklumat yang didapati hasil dari soal selidik kurang lengkap.

Segala kelemahan-kelemahan tersebut telah pun diperbetulkan sebelum ujian rintis 2 dijalankan.

3.3.1.2 Ujian Rintis 2

Kajian rintis 2 telah dijalankan pada 21/7/99 keatas 40 orang pelajar UPM. Satu set soalan yang telah diubahsuai hasil daripada kajian rintis 1 telah disediakan. Pelajar yang terlibat sebagai responden kajian ini terdiri daripada pelajar semester empat yang

mengikuti kursus BA sebagai matapelajaran elektif. Mereka telah mempelajari BA komunikasi selama empat semester. Para responden mengambil masa selama 40 minit untuk menjawab kesemua soalan yang diberi. Namun, dapatan kajian rintis 2 masih menunjukkan kelemahan pada kertas soalan:

1. Soalan menulis dialog memerlukan pelajar menjawab dengan ayat-ayat yang panjang.
2. Terlalu banyak aspek-aspek kesilapan yang hendak difokus.

Sebelum ujian sebenar dijalankan, kertas ujian sekali lagi dibaiki dan diubahsuai setelah mengambilkira kelemahan-kelemahan yang masih terdapat pada kertas ujian rintis 2.

3.3.1.3 Kajian Sebenar

Setelah berpuas hati dengan pembetulan dan pengubahsuaian yang dilakukan ke atas kertas ujian bertulis, iaitu setelah mengambilkira segala kelemahan yang terdapat dalam dua ujian rintis yang telah dilakukan, maka satu set ujian bertulis telah dihasilkan untuk tujuan kajian sebenar. Setelah melihat kepada hasil jawapan pelajar dan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh mereka, maka pengkaji membuat keputusan untuk memfokuskan kajian kepada tiga aspek terpenting dalam proses pembinaan ayat dan frasa mudah BA iaitu:

1. Ayat subjek-predikat
2. Frasa adjektif
3. Frasa *idāfat* (frasa konstruk)

Oleh itu, pengkaji telah mengubahsuai bentuk soalan agar setiap soalan di dalam ujian bertulis untuk kajian sebenar ini akan menghasilkan jawapan tentang tiga aspek tersebut

dan untuk melihat apakah jenis-jenis kesilapan yang berlaku ketika membina ayat dan frasa tersebut. Walau bagaimanapun, tahap soalan masih lagi pada peringkat asas BA yang memerlukan pelajar menyusun ayat-ayat mudah.

Kajian sebenar telah dijalankan di dua tempat iaitu di Pusat Bahasa UiTM dan di Fakulti Bahasa & Komunikasi UPM. Kajian bermula dengan pengkaji yang mengambil alih kelas dari pensyarah terlibat dengan memperkenalkan diri dan menyatakan tujuan rakaman ini dijalankan. Sebelum ujian sebenar bertulis dijalankan, pengkaji telah mengambil peluang selama lebih kurang 40 minit menjalankan ujian rintis lisan.

Seterusnya pengkaji telah membuat temujanji yang lain untuk menjalankan ujian sebenar oral. Sebelum ujian sebenar dijalankan, pengkaji harus memastikan segala kelemahan yang terdapat dalam soalan oral bagi ujian rintis diperbetulkan.

i) Ujian Bertulis di UPM

Kajian sebenar telah dijalankan ke atas pelajar UPM pada 7.9.2000 jam 2.00 hingga 3.10 petang. Seramai 17 orang pelajar yang terlibat sebagai subjek kajian. Mereka ialah pelajar-pelajar dari pelbagai bidang (sila lihat dapatan kajian bab lima) yang mengambil kursus BA kemahiran sebagai mata pelajaran elektif bagi memenuhi kehendak kursus. Para pelajar telah mengambil masa selama 10 minit untuk mengisi borang soal selidik. Seterusnya menjawab soalan-soalan ujian bertulis yang memakan masa selama lebih kurang satu jam.

ii) Ujian Bertulis di UiTM

Kajian telah dijalankan pada 24/8/2000 jam 4.40 hingga 5.50 petang, bertempat di bilik

rakaman audio-video tingkat 9 Bangunan Menara UiTM. Sejumlah 28 orang subjek kajian terlibat dalam kajian ini. Mereka mengambil mata pelajaran BA sebagai mata pelajaran pilihan dari tujuh bahasa-bahasa ketiga yang ditawarkan di Pusat Bahasa UiTM. Sebelum kertas ujian diedarkan, pelajar terlebih dahulu diminta menjawab borang soal selidik yang memakan masa selama lebih kurang 10 minit. Para pelajar mengambil masa selama lebih kurang satu jam untuk menjawab soalan-soalan ujian bertulis.

3.3.2 Ujian Lisan melalui rakaman video

Pengkaji menyedari (atas nasihat dan pandangan penyelia) bahawa penilaian kesilapan pelajar yang hanya dinilai ke atas ujian bertulis sahaja tidak mencukupi. Adalah lebih adil jika rakaman video juga dilakukan untuk melihat keupayaan pelajar berkomunikasi dan menjalani latihan secara lisan. Ujian lisan yang dirakam telah dijalankan sebanyak dua kali di kedua-dua IPTA, iaitu ujian rintis dan ujian sebenar.

3.3.2.1 Ujian Lisan Rintis

Pengkaji telah mengambil peluang menjalankan ujian rintis selepas ujian bertulis sebenar selesai dijalankan. Tujuan ujian rintis dilakukan adalah bagi memastikan setiap jawapan pelajar bagi soalan-soalan yang diberikan menepati kehendak kajian, iaitu mengandungi ketiga-tiga aspek sintaksis yang hendak dikaji. Ia juga bagi memastikan tahap soalan sesuai dengan keupayaan pelajar.

Rakaman video latihan di dalam kelas telah dijalankan di UiTM dengan bantuan juruteknik Encik Zakaria yang merakamkan perjalanan kelas selama lebih kurang 50 minit. Manakala di UPM pula rakaman dijalankan oleh juruteknik Encik Zahar yang

mengambil masa lebih kurang 40 minit. Ini adalah kerana bilangan responden UPM hanya seramai 17 orang berbanding dengan responden UiTM yang lebih ramai iaitu 28 orang.

3.3.2.2 Ujian Lisan Sebenar

Setelah mengenalpasti segala kelemahan soalan ujian lisan bagi kajian rintis, satu set soalan yang dikira menepati kehendak kajian telah disediakan untuk ujian sebenar lisan. Dalam proses ujian oral dijalankan, pengkaji telah menyoal setiap seorang subjek dengan satu soalan secara bergilir-gilir. Subjek-subjek yang diminta menjawab soalan yang dikemukakan, dipilih secara rawak dengan menunjukkan ke arah pelajar yang terpilih tanpa bertanyakan nama mereka.

Bagi memastikan pelajar menjawab dengan jelas, mereka diminta mengulang jawapan mereka sebanyak dua kali, ini juga bertujuan memberi ruang kepada pelajar memikirkan jawapan yang mereka rasa tepat serta yakin dengan jawapan yang diberi. Sebelum itu, bagi memastikan tidak timbul masalah pelajar tidak memahami makna perkataan yang terdapat dalam soalan-soalan yang dikemukakan, selain daripada memilih perkataan mudah yang sepatutnya telah dikuasai oleh semua pelajar semenjak sester pertama lagi, pengkaji juga telah memastikan pelajar mengetahui dan memahami maksud setiap perkataan dalam soalan sebelum mereka menjawab soalan yang dikemukakan dengan menjelaskan maksud perkataan yang tidak difahami.

Setelah selesai ujian lisan, skrip soal selidik diedarkan kepada subjek. Setelah selesai menanda jawapan soal selidik, subjek kemudiannya diberi satu skrip ujian bertulis. Ujian bertulis ini memakan masa selama lebih kurang 40 minit.

i) Ujian Lisan di UPM

Ujian lisan sebenar telah dijalankan di UPM pada 31/1/2001 jam 1.00 petang. Seramai 40 orang pelajar telah terlibat sebagai subjek kajian. Proses ujian ini mengambil masa lebih kurang 50 minit dengan bantuan juruteknik En. Zahar yang bertugas merakamkan sesi ujian oral yang dijalankan.

ii) Ujian Lisan di UiTM

Di UiTM, ujian lisan sebenar telah dijalankan pada 16/2/2001 jam 2.30 petang bertempat di salah satu bilik kuliah di bangunan UMNO Selangor cawangan Selangor Shah Alam. Seramai 21 orang pelajar terlibat dalam ujian ini. Sebelum ujian lisan dijalankan, para pelajar diminta menjawab borang soal selidik selama lebih kurang 10 minit. Seterusnya sesi soal jawab telah berlangsung selama lebih kurang 40 minit. Sepanjang ujian dijalankan, semua pelajar telah memberikan kerjasama yang menggalakkan dengan cuba memberikan jawapan sebaik mungkin bagi setiap soalan yang diajukan.

3.4 INSTRUMENTASI

Bagi mendapatkan segala data yang dikehendaki dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan instrumentasi-instrumentasi berikut berikut:

3.4.1 Satu Set Soalan Ujian Bertulis

Responden dikehendaki menjawab kertas soalan yang mengandungi empat bahagian. Bahagian A mengandungi lima soalan yang berbentuk maklumat peribadi. Tujuan soalan ini adalah untuk melihat keupayaan pelajar memberi maklumat tentang diri,

keluarga dan pembelajaran dengan menggunakan aspek-aspek frasa adjektif dan frasa *idāfat* dengan betul.

Bahagian B mengandungi lima soalan yang mana pelajar dikehendaki menjawab soalan dengan ayat-ayat mudah berpandukan gambar dan ayat di dalam BM yang disediakan. Soalan bahagian C pula, pelajar dikehendaki menulis dialog/perbualan mudah berpandukan ayat-ayat BM yang telah disediakan. Ayat-ayat BM disediakan supaya struktur ayat yang diberi oleh pelajar tidak lari dari apa yang dikehendaki oleh kajian. Bahagian D iaitu bahagian akhir adalah merupakan soalan petikan dialog (dipetik daripada buku IQRA' Arabic Reader 4), yang mana pelajar diminta memilih jawapan yang betul dari jawapan objektif yang disediakan untuk diisi di tempat kosong. Teks ini menjadi pilihan pengkaji kerana dialog-dialognya mengandungi ketiga-tiga aspek sintaksis yang dikaji.

Setiap soalan yang diberi memerlukan pelajar menjawab dengan menggunakan ujaran-ujaran dan ayat-ayat mudah yang selalu digunakan dalam komunikasi harian. Perbendaharaan kata dan bentuk-bentuk ayat mudah sepatutnya telah dikuasai oleh pelajar yang mempelajari mana-mana bahasa pun. Contoh-contoh soalan dan dialog yang perlu ditulis oleh pelajar adalah seperti berikut (sila lihat lampiran 5):

- | | |
|------------------|-----------------------------------|
| - ini apa? | ini tv besar |
| - ini siapa? | ini guru lelaki sekolah baru itu. |
| - awak beli apa? | saya beli pen-pen baru |
| - awak ada duit? | ya, saya ada duit |

Walaupun kesemua kajian AK yang telah dijalankan oleh para pengkaji sebelum ini menggunakan penulisan karangan sebagai data kajian (Jassem 1999, Arpan 1998,

Hassan Basri 1998, Ali Adam 1998, Abdalla 1997 dan ramai lagi), namun pengkaji telah memilih ujian yang berbeza sebagai data kajian, iaitu dengan memberi ujian menyusun ayat di dalam komunikasi ataupun ujaran secara bertulis. Ini kerana, subjek kajian yang dipilih untuk kajian ini amat berbeza dari subjek-subjek kajian pengkaji BA sebelum ini. Mereka memilih pelajar major yang belajar BA sebagai bahasa kedua sebagai subjek. Oleh itu, ujian karangan adalah sesuai bagi mereka yang telah didedahkan pengetahuan BA yang menyeluruh dan mendalam, memberi keupayaan kepada mereka untuk menghasilkan penulisan karangan untuk diuji.

Berbeza dengan pelajar kemahiran bahasa yang belajar BA komunikasi sebagai bahasa asing/ketiga. Selama tiga atau empat semester mempelajari BA, mereka mempelajari BA secara komunikasi tanpa didedahkan kepada pengkhususan kepada aspek-aspek BA yang tertentu. Mereka didedahkan kepada empat kemahiran iaitu kemahiran mendengar dan menyebut, membaca, menulis dan bertutur. Menulis yang dimaksudkan di sini adalah menulis perkataan dan ayat bukan karangan.

Objektif pengajaran dan pembelajaran BA komunikasi di peringkat asas *elementary* dan pertengahan *intermediate* ialah supaya pelajar dapat berkomunikasi dengan ayat-ayat mudah dan sederhana dengan menggunakan ungkapan-ungkapan harian. Kebiasaannya, pelajar kemahiran BA belum didedahkan kepada penulisan karangan dalam tempoh tiga atau empat semester. Justeru, pengkaji berpendapat bahawa latihan menyusun ayat adalah yang paling sesuai dijalankan terhadap pelajar kemahiran BA untuk menguji sejauh mana keupayaan mereka berbahasa Arab.

3.4.2 SATU SET SOALAN UJIAN LISAN

Rakaman video telah dijalankan selama 50 minit untuk melihat keupayaan pelajar berkomunikasi dan menyusun ayat-ayat secara lisan.

Terdapat tiga sesi soal-jawab yang disediakan untuk tujuan latihan secara lisan iaitu soalan menggunakan gambar-gambar yang berbunyi: *apa ini?* (ما هذا / ما هذه؟).

Subjek kajian dikehendaki menjawab soalan tersebut dengan memberi kata adjektif yang sesuai bagi kata nama yang ditunjukkan di dalam gambar. Tujuan soalan ini adalah untuk melihat sejauh mana keupayaan pelajar menyusun ayat subjek-predikat yang mengandungi frasa adjektif. Samada mereka memahami peraturan membina ayat tersebut dengan melaksanakan aspek keserasian antara subjek dan predikat, juga antara kata substantif dan kata adjektif. Sebanyak 10 soalan bergambar yang dikemukakan kepada pelajar dalam sesi ini.

Sesi kedua pula pelajar dikehendaki memilih jawapan yang betul untuk diisi di tempat kosong. Soalan dan jawapan telah disediakan pada kad-kad di mana pelajar hanya perlu membacanya dan memilih salah satu dari tiga atau empat kata nama yang disediakan sebagai jawapan yang betul. Hasil dari jawapan pelajar dapat menilai keupayaan mereka dalam proses penyesuaian antara subjek dan predikat, antara kata substantif dan kata adjektif dalam frasa adjektif, dan juga antara perkataan-perkataan dalam frasa *idāfat* yang wajib dijaga demi untuk menghasilkan ayat yang betul dan tidak menyimpang dari peraturan rumus-rumus BA dan seterusnya mengakibatkan berlakunya perubahan atau kecacatan makna. Untuk soalan jenis ini, sebanyak 20 soalan telah dikemukakan di mana pengkaji telah cuba memastikan ketiga-tiga aspek sintaksis yang hendak dikaji

terdapat dalam soalan-soalan tersebut.

Manakala sesi ketiga pula adalah soalan menyusun perkataan-perkataan menjadi ayat yang betul. Perkataan-perkataan ini telah sedia ditulis di atas kad-kad untuk memudahkan pelajar memikirkan susunan yang tepat. Sebanyak 10 kad-kad yang mengandungi kata-kata yang perlu disusun oleh subjek kajian. Ayat-ayat yang dipilih untuk bahagian ini adalah juga ayat yang melibatkan peranan subjek, predikat, frasa adjektif dan frasa *idāfat*.

Tujuan pengkaji menggunakan kad-kad bagi mengemukakan soalan ialah untuk menjimatkan masa dan memudahkan pelajar tanpa perlu mereka keluar ke hadapan dan menulisnya di papan hitam/putih.

3.4.3 Borang Soal Selidik Pensyarah

Data soal selidik pensyarah penting untuk melihat adakah latar belakang pendidikan dan pengalaman pensyarah akan mempengaruhi mutu, teknik dan keberkesanan pengajaran BA. Data soal selidik ini juga untuk tujuan mendapatkan pandangan para pensyarah tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan pengajaran BA. Soal selidik kepada pensyarah dibuat dalam dua bahagian seperti berikut:

1. Maklumat Peribadi

Mengandungi 6 soalan-soalan yang berkaitan dengan latar belakang diri, kelulusan, bidang pengkhususan dan pengalaman mengajar. Maklumat-maklumat ini adalah penting kerana ianya memberi pengaruh yang amat besar dalam kualiti dan keberkesanan pengajaran yang diberi.

2. Maklumat Pengajaran

Untuk mengetahui pandangan pensyarah tentang kaedah dan teknik pengajaran, tahap pencapaian pelajar mereka dalam penguasaan sintaksis BA, permasalahan yang dihadapi oleh pelajar, dan apakah aspek-aspek BA yang perlu diberi keutamaan dalam pengajaran BA. Secara ringkasnya, maklumat daripada soal selidik pensyarah adalah seperti berikut:

1. Seramai 16 orang pensyarah telah terlibat sebagai responden iaitu tujuh orang pensyarah UPM dan sembilan orang pensyarah UiTM.
2. Kesemua pensyarah UPM mempunyai kelulusan akademik tertinggi di peringkat Sarjana. Manakala lima orang pensyarah UiTM mempunyai kelulusan tertinggi peringkat Sarjana. Selebihnya tiga orang mempunyai kelulusan Sarjana Muda dan seorang mempunyai kelulusan Sarjana Muda dan Diploma Pendidikan.
3. Dari segi bidang pengkhususan pula, secara keseluruhan seramai 13 orang dari bidang BA dan tiga orang dari bidang Pengajian Islam.
4. Dari segi pengalaman mengajar BA, seramai sembilan orang yang pensyarah mempunyai pengalaman selama satu hingga lima tahun, empat orang mempunyai pengalaman lebih dari 10 tahun dan seorang yang mempunyai pengalaman kurang dari sepuluh tahun. Seorang lagi pensyarah mempunyai pengalaman kurang dari setahun. (Untuk maklumat lanjut, sila rujuk lampiran 2)

3.4.4 Borang Soal Selidik Pelajar

Pengkaji berpendapat bahawa maklumat yang diperolehi daripada soal selidik amat

penting dalam membuat penilaian kajian ini. Melalui soal selidik kita dapat melihat adakah latar belakang BA yang dipelajari di sekolah menengah ataupun di sekolah rendah dan juga keputusan peperiksaan akan memberi kesan kepada kajian ini. Soal selidik kepada pelajar terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:

1. Maklumat Peribadi

Mengandungi empat soalan-soalan peribadi untuk mengetahui latar belakang pelajar seperti umur, jantina dan tempat belajar.

2. Maklumat Pembelajaran

Mengandungi lapan soalan yang berkaitan dengan tahun pengajian, peringkat BA yang sedang dipelajari, buku teks yang digunakan, jumlah jam kontak bagi mata pelajaran BA. Selain itu, pelajar juga diminta memberi pandangan tentang BA dan ciri-cirinya yang sukar untuk dikuasai, dan tahap perbezaan antara struktur BA dan BM.

3. Maklumat Persekitaran

Mengandungi empat soalan berkenaan dengan persekitaran iaitu bahan-bahan BA di pusat sumber, aktiviti-aktiviti yang melibatkan BA yang boleh membantu meningkatkan penguasaan BA pelajar, dan kekerapan bertutur dalam BA samada dengan pensyarah mahupun dengan rakan-rakan.

3.4.5 Temubual

Selain daripada sumber-sumber yang disebut di atas, pengkaji juga telah menjalankan sesi temubual dengan tiga orang pensyarah BA dari UPM, UiTM dan UIAM. Ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tambahan yang diperlukan bagi membantu kejayaan kajian ini:

kejayaan kajian ini:

3.5 PENENTUAN KESILAPAN

Kesilapan ditentukan berdasarkan penyimpangan sesuatu kaedah dan sistem BA *standard* dalam penyusunan ayat dan frasa BA samada dalam komunikasi bertulis mahupun secara lisan. Penilaian dibuat berdasarkan kaedah dan sistem yang telah ditetapkan oleh para sarjana BA terdahulu dan juga sarjana masa kini. Kajian ini menggunakan buku nahu masa kini yang dianggap muktabar iaitu *al-Nahw Al-Wāfi* oleh ‘Abbās Hasan sebagai rujukan utama di samping dua lagi buku iaitu *Mulakhas Qawā'id Al-Lughat Al-'Arabiyyat* oleh Ni'mat Fu'ād dan *Modern Arabic* oleh Clives Holes.

Jenis-jenis kesilapan sintaksis yang dikaji ialah kesilapan yang melibatkan aspek-aspek berikut:

- i) Penggunaan dan penyusunan rangkaian kata nama untuk dijadikan ayat yang terdiri dari subjek-predikat. Kesilapan jenis ini ditanda dengan kod **K1**.
- ii) Penggunaan dan penyusunan rangkaian kata nama untuk menghasilkan frasa adjektif di dalam ayat. Kesilapan jenis ini ditanda dengan kod **K2**.
- iii) Penggunaan dan penyusunan rangkaian kata nama untuk menghasilkan frasa *idāfa* di dalam ayat. Kesilapan jenis ini ditanda dengan kod **K3**.

Setiap jenis kesilapan yang terhasil dalam setiap aspek diklasifikasikan dengan memberi kod-kod tertentu iaitu **JK1** bagi jenis kesilapan satu, **JK2** bagi jenis kesilapan dua, **JK3** bagi jenis kesilapan tiga, dan seterusnya.

3.6 PEMROSESAN DAN PENGANALISAAN DATA

Setelah semua data dari pelbagai sumber telah terkumpul, data-data tersebut mula

menjalani proses pengiraan untuk mendapatkan jumlah dan peratus kesilapan yang terhasil menggunakan kaedah *Statistical Package for Social Science* (SPSS) dan juga pengiraan peratusan secara manual. Setelah jumlah dan peratus kesilapan dibentangkan dalam bentuk jadual (table), maka proses seterusnya ialah menganalisis dan menghuraikan setiap contoh kesilapan yang dihasilkan oleh pelajar. Kemudian, ayat-ayat yang betul diberikan.

3.6.1 Pemprosesan Data

Cara-cara data hasil daripada soal selidik, ujian bertulis dan juga ujian lisan adalah seperti berikut:

i) Ujian Bertulis

Bagi setiap skrip jawapan responden, disediakan satu set borang jadual penilaian (lihat lampiran lima) yang telah siap diklasifikasikan jenis-jenis sintaksis iaitu subjek-predikat, frasa adjektif dan frasa *idāfat* mengikut nombor soalan. Jadual ini juga menyediakan ruang “salah/betul” untuk ditandakan berdasarkan jawapan responden serta jumlah dan peratus kesilapan. Setiap skrip jawapan diberi nombor begitu juga dengan jadual penilaian skrip soal selidik. Bagi setiap kesilapan yang terhasil ditandakan dengan *highlighter*, kemudian dimasukkan ke dalam borang jadual penilaian. Jumlah setiap jenis kesilapan dikira dan diberikan peratusnya.

Borang-borang jadual penilaian yang siap dikira dimasukkan ke dalam komputer untuk mendapatkan jumlah dan peratus kesilapan secara keseluruhan menggunakan kaedah SPSS.

mendapatkan jumlah dan peratus kesilapan secara keseluruhan menggunakan kaedah SPSS.

ii) Rakaman Video

Bagi ujian oral yang dirakam, satu transkrip telah dihasilkan apabila pengkaji telah mencatatkan semua soalan dan jawapan dihasilkan dalam tempoh rakaman dijalankan. Kemudian semua kesilapan-kesilapan yang dihasilkan ditanda dengan *highlighter*. Proses seterusnya ialah mengkategorikan jenis-jenis kesilapan yang berlaku dalam ayat subjek-predikat, frasa adjektif dan juga frasa *idāfat*. Akhirnya semua kesilapan dikira menggunakan pengiraan peratusan biasa untuk mendapatkan jumlah dan peratus.

Berbeza dengan ujian bertulis, kesilapan yang dikira tidak berdasarkan bilangan pelajar tetapi dikira berdasarkan kepada 40 soal jawab yang berlaku di antara pelajar dan pengkaji dalam tempoh 50 minit rakaman dijalankan. Oleh itu, peratus yang dikira adalah berdasarkan jumlah kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam soal jawab tersebut, bukannya jumlah pelajar yang melakukan kesilapan. Ini bermakna, daripada 40 soalan yang dikemukakan, berapakah peratus kesalahan yang dihasilkan oleh pelajar.

iii) Data Soal Selidik

Kesemua 16 borang soal selidik pensyarah 106 borang soal selidik pelajar dikumpulkan, dan setiap data yang diperolehi dimasukkan dalam komputer menggunakan kaedah SPSS bagi mendapatkan jumlah, peratus dan kekerapan.

3.6.2 Penganalisaan Data

Contoh-contoh kesilapan ayat atau frasa yang dihasilkan oleh pelajar dianalisis dengan

(apabila perlu). Pengkaji merasakan perlu menilai sebahagian daripada jenis kesilapan yang dihasilkan melalui penghuraian maksud BI kerana adakalanya penghuraian melalui BM tidak dapat memperlihatkan tahap kesilapan yang ketara. Ini disebabkan ada beberapa unsur dan komponen tatabahasa BA yang tidak terdapat dalam rumus-rumus bahasa BM, sebaliknya ia terdapat dalam BI. Contohnya fungsi *the* sebagai penentu dalam BI sebagaimana peranan partikel penentu (أل) dalam BA sedangkan aspek ini tidak terdapat dalam BM. Justeru, dalam keadaan ini, penjelasan dalam BI amat perlu.

Demikian juga dalam peraturan sintaksis BI, terdapat juga peraturan-peraturan tertentu dalam proses pembinaan *the construct phrase* di mana aspek ini juga merupakan salah satu tajuk penting dalam perbincangan atau pembelajaran tatabahasa BI. Berbeza sekali dengan peraturan rumus-rumus BM apabila aspek ini tidak perlu langsung dibincang dalam pengajaran dan pembelajaran sintaksis BM, kerana untuk membina *the construct phrase* BM hanyalah memerlukan dua kata nama dicantumkan tanpa perlu melakukan sebarang perubahan penambahan. Justeru itu, kita dapati tiada langsung perbincangan tentang aspek ini disentuh dalam pengajaran dan pembelajaran tatabahasa atau sintaksis BM. Selepas setiap penjelasan dan penghuraian kesilapan diberikan, pengkaji membawa contoh ayat atau frasa yang betul dari segi nahu dan juga dari segi makna.

Sesuatu yang perlu dijelaskan di sini ialah, dalam usaha membina ayat BA samada secara bertulis mahupun secara lisan, adakalanya pelajar melakukan lebih daripada satu jenis kesilapan dalam satu ayat. Ini menyebabkan jumlah ayat atau frasa yang dikira dalam dapatan didapati melebihi jumlah ayat yang disoal dalam ujian. Contohnya dalam

membina ayat subjek-predikat, kata nama yang dipilih untuk dijadikan predikat, pelajar bukan saja melakukan kesilapan berkaitan dengan partikel (أل) malah juga kesilapan yang berkaitan dengan genus.

3.8 KESIMPULAN

Penghuraian tentang kaedah, prosedur dan tatacara kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mendapatkan data hasil daripada ujian bertulis dan ujian lisan yang dijalankan ke atas 106 orang pelajar UPM dan UiTM di peringkat sintaksis. Selain daripada itu, data-data sokongan juga dikumpul hasil daripada soal selidik yang dijalankan ke atas pelajar yang terlibat, dan juga pensyarah BA daripada dua IPTA tersebut.